

## **PEMIKIRAN ETIKA DALAM PANTUN MELAYU SARAWAK**

### ***ETHICAL THINKING IN SARAWAK RELIGION***

*Hamsiah Juki*  
*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*hamsiahjuki1972@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Pemikiran etika adalah ilmu yang membincangkan tentang tingkah laku atau pandangan baik dan buruk bagi sesuatu tindakan manusia. Dalam pembentukan peribadi seseorang pemikiran etika adalah sesuatu yang sangat penting. Dalam pelaksanaan aktiviti bermukun yang diadakan di Sarawak iaitu pesta bermukun pantun yang digunakan adalah lebih kepada penyerapan nilai murni yang baik sesuai dengan pembentukan akhlak dan tingkah laku masyarakat. Bermukun bukan sahaja bertujuan untuk berhibur malah penuh dengan penyerapan nilai dan etika dalam masyarakat. Pemikiran etika yang ada dalam pantun sebenarnya lebih kepada pembinaan budi bahasa yang baik serta perlu diberi keutamaan. Pembentukan akhlak yang baik adalah daripada cara berfikir yang baik dalam masyarakat. Peranan yang ditunjukkan dalam masyarakat adalah salah satu usaha membentuk peribadi yang baik.

**Kata kunci:** *Etika, Pemikiran Etika, Bermukun, Nilai.*

### **ABSTRACT**

*Ethical thinking is a science that deals with the behavior or the good and bad view of human action. In the personal formation of an ethical thought is something very important. In the implementation of the gathering activities held in Sarawak, the feast party feast used is more to the absorption of good values in accordance with the moral character and behavior of society. Getting around is not only aimed at entertaining but also full of absorptive values and ethics in society. Ethical thinking in the poem is actually more of a good courtesy and should be given priority. Good character formation is from a good way of thinking in society. The role that is shown in society is one of the best personal efforts.*

**Keywords:** *Ethics, Ethical Thinking, Association, Value.*

### **PENGENALAN**

Pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku ataupun etika dalam kalangan manusia adalah perkara yang menjadi fokus penting dalam membentuk dan melahirkan seseorang manusia yang mempunyai keperibadian yang tinggi. Kebanyakan etika seseorang terbentuk berdasarkan dengan cara mereka berfikir. Mengenali, memahami dan seterusnya mengamalkan etika adalah salah satu daripada keperluan bagi mencapai kesempurnaan dalam kehidupan manusia. Menyedari akan kepentingan ini, ramai ahli pemikiran telah cuba merungkaikan permasalahan etika walaupun terdapat juga yang berpandangan bahawa perbincangan etika secara pemikiran adalah perbincangan retorik yang sia-sia. Dalam kalangan masyarakat awam pula, pemikiran etika dianggap tidak berpijak di bumi nyata kerana membincangkan hal-hal abstrak dan kurang relevan untuk kehidupan seharian (Bertens, 2003). Akan tetapi, satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah setiap tindakan dan perilaku bermula daripada pemikiran dan keadaan dalaman diri seseorang. Kerangka pemikiran ini merupakan antara perbincangan utama dalam pemikiran etika yang telah melahirkan pelbagai pandangan serta teori.

Aspek yang diketengahkan dalam hal ini ialah pemikiran etika yang ada dalam pantun Melayu Sarawak yang berperanan menunjukkan tingkah laku masyarakat Melayu yang ada di Sarawak. Pemikiran ini diketengahkan dalam pantun yang digunakan semasa bermukun masyarakat Melayu Sarawak untuk mendidik dan membentuk etika yang baik dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak.

### **Pemikiran Etika**

Etika berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu *ethics*. Menurut, *Encyclopedia Americana* (1993) dan *Encyclopedia of Ethics* (2001), *ethics* berasal daripada perkataan Yunani iaitu *ethos* yang bermaksud sikap atau peribadi dan *ethikos* yang bermaksud moral. *Oxford Dictionary of Philosophy* (1996) mendefinisikan etika sebagai kajian tentang konsep yang melibatkan akal praktikal: baik, patut, tanggungjawab, kebaikan, kebebasan, rasional dan pilihan. Di dalam Kamus Dewan (1994) pula, perkataan etika dalam Bahasa Melayu merujuk kepada ilmu berkaitan prinsip akhlak atau moral. Manakala di dalam Bahasa Arab, pemikiran etika merujuk kepada ‘ilm al-akhlāq yang menjadikan khulq atau karakter sebagai subjek kajian. Ibn Manzūr di dalam *Lisān al-‘Arab* menyatakan bahawa akhlāq bermaksud keperibadian semulajadi seseorang seperti watak, disposisi semulajadi, sabar, sifat akhlak, termasuk juga budaya dan agama seseorang.

Mohd. Nasir (2010) menyatakan bahawa etika atau akhlak dan pemikiran tentangnya adalah disiplin ilmu yang mengkaji serta mempersoalkan berbagai-bagai isu baik buruk tentang adat, tabiat, susila, cara berfikir, sikap, agama dan semua faktor yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia seperti nafsu, akal, niat, kebebasan, tugas, tanggungjawab dan sebagainya. Ia juga menumpukan kepada tingkah laku manusia terutama dalam konteks hubungan manusia sama ada peribadi, sosial atau politik yang mana akan dinilai dalam bentuk baik atau buruk dan dijustifikasi secara rasional berdasarkan akal (Ahmad Sunawari, 2006). Perbincangan ini pula kebiasaanya bertujuan untuk menjawab persoalan seperti bagaimakah manusia harus hidup, apakah yang patut dilakukan, adakah perlu untuk mencari kegembiraan atau ilmu atau kebaikan atau penciptaan objek-objek yang cantik, jika kegembiraan menjadi pilihan, adakah ianya untuk kita atau untuk semua? (Sofroniou 2003) Ini menunjukkan bahawa etika bukan sahaja mempunyai kaitan langsung dengan pelbagai cabang kehidupan manusia bahkan ia menjadi satu set panduan kepada mereka yang inginkan kehidupan yang bermakna dan sejahtera.

### **Pantun Melayu Sarawak**

Pantun Melayu Sarawak telah lama digunakan dalam pertuturan lisan terutama semasa bermukun. Pantun Melayu Sarawak sangat sinonim dengan budaya bermukun yang telah diamalkan semenjak pemerintahan Brooke lagi. Pantun Melayu Sarawak lebih bertumpu kepada penggunaan dialek Sarawak dan tidak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran formal namun telah diamalkan secara meluas dalam kalangan orang tua yang hanya bertujuan untuk berhibur di samping dapat memberi nasihat dan pengajaran kepada para pendengar. Setiap baris ayat yang digunakan mempunyai makna yang mempunyai makna yang tersendiri.

Sarawak Bumi Kenyalang sememangnya terkenal dengan kepelbagaiannya kaum serta kekayaan warisan dan budaya yang sentiasa dijaga sehingga ke hari ini. Walaupun kaya dengan kepelbagaiannya kaum serta berlainan warisan dan budaya tetapi toleransi kaum dan agama tidak pernah menjadi satu isu buat Bangsa Sarawak di Sarawak Bumi Kenyalang. Terdapat rahsia kebahasaan dalam pantun. Pantun Melayu Sarawak yang lebih sinonim dengan aktiviti bermukun dalam masyarakat Melayu yang ada di Sarawak.

Gendang Melayu Sarawak merupakan persembahan tradisi Melayu yang terdapat di Sarawak. Persembahan ini merupakan aktiviti masyarakat Melayu Sarawak sejak dulu lagi dan telah berkembang. Budaya bermukun dikatakan bermula sebelum era Brooke ataupun lebih awal. Gendang Melayu ini wujud untuk mendidik budaya berbahasa juga mendidik akhlak menerusi pantun dan tandak (tarian) mudah. Namun, budaya ini pernah disalahgunakan oleh segelintir individu sebagai medium 'menjerat' dan maksiat. Isu tersebut menjadi sindiran menerusi novel Melati Sarawak oleh Mohamad Rakawi Yusuf terbitan tahun 1932 mengenai kelonggaran akhlak masyarakat Melayu Sarawak dalam bermukun pada tahun 1927 dan 1928. Pandangan serong terhadap seni gendang tersebut ternyata memberi konflik

terhadap golongan bangsawan, perabangan, pengiran, syed dan tunku yang tergolong dalam istilah 'Melayu Sarawak'.

Disebabkan perkara tersebut, mereka yang menggemari budaya ini memenuhi kehendak mereka dengan memakai topeng bagi menyembunyikan wajah sambil berpantun dan bertandak. Namun hakikatnya tidak langsung berunsurkan maksiat dan perkara yang tidak baik kerana nilai kesantunan yang ada semasa bermukun dijaga dengan sebaiknya. Sejak itu, lahirlah istilah 'menopeng' dalam budaya bermukun.

### **Bergendang dan Bermukun**

Bergendang dan bermukun merupakan aktiviti yang mempamerkan kebijaksanaan, kemahiran, kecekapan tingkah laku fizikal, dan menguji mentang. Gabungan kedua-dua daya fikir dan daya kreatif fizikal inilah menyebabkannya sangat istimewa. Bermukun dianggap istimewa kerana penonton atau pengemarnya sebenarnya seolah-olah sedang menyaksikan pertandingan cetusan minda melalui acara berbalas pantun. Penonton umpama hakim yang sedang menghakimi kalah atau menang seseorang peserta. Kebiasaannya pertandingan pantun ini berlaku antara seh gendang dengan topeng. Seh gendang ialah wanita yang memukul gendang sambil berpantun dan topeng ialah lelaki yang bertandak sambil berpantun. Kebiasaannya pukulan seh gendang akan memukau semua penonton dengan aluananya yang merdu.

Para penonton atau penggemar bergendang akan menilai kehebatan Seh gendang dengan mendengar lengkok pukulan gendang yang tidak sumbang sambil pantun yang dijual belinya mengena dengan pantun si topeng namun kebanyakannya pantun yang terpilih adalah pantun yang mempunyai nilai dan sindiran tajam yang ditujukan kepada pendengar untuk difahami walaupun dalam bentuk hiburan. Jika pantun yang dijual, dibeli dengan pantun yang tidak relevan, maka penonton dapat mengukur kekalahan pihak seh gendang atau topeng tadi.

Itu sekadar gurauan santun dalam bermukun namun yang penting adalah nilai dan pengajaran yang disampaikan dalam pantun tersebut. Majlis bermukun sebenarnya adalah majlis yang diadakan secara bersuka ria terutamanya untuk golongan muda mudi. Generasi baru yang akan menentukan negara pada masa akan datang. Kebanyakan generasi ini menunggu majlis ini diadakan namun semakin kurang dilakukan atas sebab adanya gangguan daripada hiburan lain yang dirasakan lebih menarik. Pada zaman dahulu bermukun adalah cara terbaik untuk mencari jodoh, berkenal-kenalan, sambil berhibur. Kebanyakan anak dara dan teruna pada zaman dahulu kurang keluar rumah kerana kawalan daripada ibu bapa namun keluar semasa bermukum sahaja. Kesantunan dan budi bahasa sangat dijaga oleh masyarakat Melayu dahulu agar maruah sentiasa terjaga di samping menjaga pegangan agama yang menghalang hubungan bebas antara lelaki dan perempuan.

Tarian gendang atau bermukun ini bermula sejak era pemerintahan Rajah Putih atau lebih dikenali zaman era Brooke. Gendang Melayu atau bermukun ini wujud dan dijadikan hiburan bagi masyarakat suatu ketika dahulu. Selain daripada itu, aktiviti ini juga adalah untuk menegur atau memberi nasihat kepada masyarakat melalui pantun dan irama lagu. Setiap irama lagu yang dimainkan memberi makna yang tersendiri. Gendang Melayu ini wujud adalah untuk mendidik budaya berbahasa dalam kalangan masyarakat di samping untuk mendidik akhlak masyarakat pada masa itu.

Bermukun atau bergendang merupakan salah satu tradisi bagi orang Melayu yang diwarisi daripada zaman nenek moyang sejak lebih seabad yang lalu dan masih dipertahankan hingga ke hari ini. Acara bermukun merupakan penyeri majlis perkahwinan masyarakat Melayu dahulu kala. Lazimnya diadakan malam sebelum pasangan pengantin bersanding. Acara unik ini mempunyai ciri khas tersendiri iaitu semasa bermukun sedang berlangsung, kaum wanita ditempatkan di sebalik tabir yang merupakan sempadan yang memisahkan lelaki dan wanita.

Lelaki pula akan duduk sejajar atau kelompok secara berselerak mengikut keselesaan masing-masing di luar tabir. Namun begitu, terdapat ruang di bahagian tengah yang merupakan gelanggang tarian. Wanita yang duduk di sebalik tabir dikenali sebagai seh gendang atau tukang gendang yang berperanan memukul gendang dan berpantun. Kaum lelaki berperanan sebagai penggesek biola atau pemain akordian mengiringi seh gendang.

### Pemikiran Tentang Tingkah Laku dan Moral Manusia (Etika)

Masyarakat Melayu Sarawak juga mengaitkan pantun yang digunakan semasa bermukun dengan tingkah laku dan moral manusia dalam hubungan antara manusia dengan manusia. Moral di sini bermaksud satu sistem yang mepemikiran tindakan zahir manusia itu sendiri. Isu moral kebanyakan meliputi pemikiran, perasaan, dan niat di hati manusia dengan manusia. Pemikiran moral ini sebenarnya bersifat sementara, subjektif dan relatif. Di samping itu, segala tindak tanduk dan tingkah laku masyarakat yang wajar dan tidak wajar dilakukan juga diungkap dalam pantun Melayu Sarawak. Hal ini sebenarnya bertujuan memberi pengajaran dan teladan kepada masyarakat supaya dapat diperaktikkan dalam kehidupan seharian. Antara pantun yang menyentuh perihal tingkah laku dan moral manusia adalah seperti berikut:

Apek tua menjajak sireh,  
Sireh dijajak denganlah budu,  
Cantek molek kamek sik mileh,  
Asal jangan mata mengkudu.

Buah durian dipolah tempoyak,  
Alu dimakan ngan ikan panggang,  
Mun kitak jadi boyak,  
Kamek lari sehelai sepinggang.

Kelambu kitak dari Jawa,  
Kelambu sutera di alas tungku,  
Tidur jak kitak tidurlah nyawa,  
Kamek setia akan menunggu.

Mun raya balit Meranek,  
Singgah dolok di tepi utan,  
Sik boh dirisau hati kamek,  
Mun sik mati kamek ikutkan.

Anak dara jait jubah,  
Jubah dijait engkah di perauk,  
Hati kamek sik pernah berubah,  
Hati kitak kamek sik tauk.

Ini irama pantun Samsudin,  
Ditarit oleh sikan biola,  
Kameklah tidak mencari yang lain,  
kerana kitak duaklah masih ada.

Bunga cina kembang sekuntum,  
Mari diletak di atas peti,  
Cinta laila dengan Majnun,  
Sama idup sama mati.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Contoh pantun yang dinyatakan di atas lebih melihat pemikiran yang berkaitan dengan moral manusia. Tingkah laku manusia yang berkaitan dengan moral yang terdapat dalam pantun bermukun di atas ialah sikap yang berkaitan dengan kesetiaan. Kesetiaan dalam hubungan adalah satu perkara yang sangat penting dan segala tingkah laku ini agak sukar diamalkan sekiranya tidak terus dinasihati dan

diberitahu. Atas sebab itu maka Seh Gendang mengemukakan tingkah laku manusia semasa bermukun. Bahasa yang digunakan juga selari dengan teori pemikiran bahasa yang menitikberatkan tentang bahasa yang disampaikan seharusnya difahami oleh pendengar. Dalam pantun yang dijadikan contoh di atas menekankan hal ini contohnya dalam baris yang terdapat dalam Cantek molek kamek sik mileh, Asal jangan mata mengkudu. Dalam pantun ini ditekankan bahawa seseorang tidak memandang rupa dalam hubungan sebaliknya melihat aspek yang berkaitan dengan kesetiaan. Baris seterusnya yang menekankan hal yang berkaitan dengan kesetiaan iaitu Mun kitak jadi boyak, Kamek lari sehelai sepinggang. Dalam baris ini juga menekankan jika tiada kesetiaan maka pasangan yang telah dicurangi akan mlarikan diri dan tidak menjalin hubungan dengan seseorang yang tidak setia.

Baris pantun yang seterusnya menekankan tentang pemikiran tingkah laku manusia juga dapat dilihat dalam baris yang seterusnya iaitu, Tidur jak kitak tidurlah nyawa, Kamek setia akan menunggu, Sik boh dirisau hati kamek, Mun sik mati kamek ikutkan, Hati kamek sik pernah berubah, Hati kitak kamek sik tauk, Kameklah tidak mencari yang lain, kerana kitak duaklah masih ada, Kameklah tidak mencari yang lain, kerana kitak duaklah masih ada, Cinta Laila dengan Majnun, Sama idup sama mati. Berdasarkan baris pantun yang telah disenaraikan ternyata kesetiaan adalah satu perkara yang sangat penting diberi keutamaan dan pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku sememangnya wajar diamalkan dalam masyarakat Melayu Sarawak. Bahasa yang digunakan juga adalah bahasa Melayu yang mudah difahami dan selaras dengan Teori Pemikiran bahasa yang menekankan bahawa penggunaan bahasa yang difahami adalah satu keutamaan. Kesetiaan adalah tunjung kepada hubungan yang baik kerana tanpa kesetiaan maka akan hancur segala kepercayaan antara satu sama lain dan perkara ini yang ditekankan dalam pantun yang digunakan dalam bermukun.

Selain aspek yang berkaitan dengan kesetiaan, kasih sayang juga satu perasaan yang juga diberi keutamaan. Walaupun akan disentuh bahawa kasih sayang ada dalam pemikiran metafizik namun dalam pantun Melayu Sarawak tingkah laku yang dapat dikaitkan dengan kasih sayang juga diberi perhatian. Contoh pantun yang berkaitan dengan kasih sayang ialah seperti contoh pantun di bawah:

Baju putih seluar putih,  
pakei abang pergi sembahyang,  
kitak kasih kamekpun kasih,  
sama kita berkasih sayang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun ini menceritakan tentang sikap kasih sayang yang perlu dibalas dengan lasih sayang juga. Makna dalam bahasa yang digunakan menjelaskan tentang ketepatan bahasa untuk menyampaikan apa yang terkandung dalam bermukun untuk menjadi panduan kepada masyarakat Melayu Sarawak tentang kepentingan kasih sayang dalam hubungan antara satu sama lain.

Anak Dayak jual suterak,  
Sutera dijual di tengah Kuang,  
Iboh digenggam kedak barak,  
Kelak sayang nak dibuang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Dalam pantun ini pula menceritakan tentang penderitaan yang ada dalam hubungan kasih sayang. Pemikiran yang berkaitan dengan hal ini jelas dapat dilihat dalam baris bahasa dalam pantun iaitu *Iboh digenggam kedak barak*, *Kelak sayang nak dibuang*. “iboh” membawa makna jangan yang tidak mahu seseorang mengenggam bara yang akan menjadi arang dan akan menyebabkan sayang untuk dibuang. Pantun ini mempunyai bahasa yang mendalam agak sukar difahami namun membawa makna yang sangat dalam. Penyampaian tentang etika dan tingkah laku manusia hakikatnya jelas terdapat dalam pantun ini.

Nyaman gilak nasi lemak,  
Makan sikit ari marek,  
Masa kecik ditimang emak,  
Dah besar ditimang gerek.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun ini juga mempunyai pemikiran yang berkaitan dengan pemikiran etika dan tingkah laku manusia. Hakikat menunjukkan bahawa seseorang yang semasa kecil ditimang oleh emak jelas terdapat dalam kehidupan manusia dan apabila besar ditimang kekasih (gerek). Lumrah dalam hubungan sesama manusia rasa kasih dan sayang akan wujud sebaik sahaja diperlukan dalam hubungan. Hal ini yang dinyatakan dalam pemikiran ini untuk difahami oleh masyarakat Melayu Sarawak.

Lamak sik temu sakit ati,  
Mun sakit mouk nak ngamok,  
Sejak mak bapak mati,  
Aik mata sik berenti gugok.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun ini pula menujukkan pemikiran etika dan tingkah laku yang lebih kepada kasih sayang dalam keluarga. Sememangnya apabila ibu bapa telah tiada kita akan kehilangan kasih sayang. Rasa sayang tersebut akan melahirkan kerinduan yang akan menyebabkan air mata mengalir. Hubungan kasih sayang ini jelas bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat agar sentiasa sayang dan menghargai ibu bapa selagi mereka masih hidup.

Kacak gilak anak dara,  
Dara suka makan ikan,  
Buang emak buang saudara,  
Kerana gerek kamek turutkan.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Kasih sayang yang terdapat dalam pantun ini agak berbeza berbanding dengan pantun yang lain kerana dalam pantun ini menjelaskan tentang etika dan tingkah laku manusia yang membuang keluarga khasnya ibu bapa kerana ikutkan kata hati yang lebih sayangkan kekasih. Sikap ini adalah sikap yang sangat tidak digalakkan dalam keluarga dan perkara ini cuba diketengahkan agar menjadi pedoman kepada masyarakat yang lain. Penyampaian mesej ini dalam pantun Melayu Sarawak jelas menunjukkan agar masyarakat Melayu Sarawak sentiasa sayang dan kasih kepada keluarga dan tidak terlalu mengikut perasaan dalam mengambil keputusan.

Kacak sik gago makei pemanis,  
Mun dah manis kacak gilak,  
Aik madu kusangka manis,  
Rupanya manis agik senyum kitak.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun ini pula menunjukkan etika dan tingkah laku yang berkaitan dengan sikap masyarakat yang suka memuji dan memberi keyakinan kepada seseorang. Maksud yang terdapat dalam pantun jelas menunjukkan bahawa senyuman yang manis akan melahirkan hubungan yang baik dalam masyarakat.

Mun dah lamak jadi ketua,  
Ketua sik dengar apa dipadah,  
Ati kamek berarap ngan tua,  
Langit tinggi tanggar rendah.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pemikiran yang berkaitan dengan etika dan tingkah laku juga terdapat dalam pantun yang diperoleh daripada She Gendang semasa bermukun iaitu menunjukkan kasih sayang yang diharapkan dalam sesebuah hubungan yang perlu sentiasa dihargai. Kasih sayang yang lahir dalam diri kita seharusnya dikekalkan sehingga akhir hayat dan jangan sesekali dihamparkan dan hal ini cuba diserapkan dalam pantun yang digunakan semasa bermukun ini.

Pergi ke jingkat singgah di Nonok,  
Alu beli sekilo udang,  
Eksen ajak carik manok,  
Mata carik anak urang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun ini pula menunjukkan sikap berpura-pura yang ada dalam masyarakat kita. Pemikiran tentang etika dan tingkah laku yang berkaitan dengan sikap seseorang yang memerlukan perhatian orang lain untuk menjadi perhatian dan melahirkan rasa kasih dan sayang. Pantun ini mempunyai makna yang agak berbeza namun masih berfokus kepada sikap kasih sayang dalam masyarakat.

Muka merah kenak tumbuk,  
Ditumbuk oleh sidak atang,  
Mun gemuk ngan gemuk,  
Macam itit pulang petang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun yang terdapat di atas juga mempunyai makna yang berkaitan dengan kasih sayang. Hubungan kasih dan sayang selalunya berpadanan dan sentiasa mencari pasangan yang sepadan untuk mendapat hubungan yang lebih kekal. Hubungan yang serasi akan menghasilkan rasa kasih dan sayang yang lebih berkekalan. Pantun yang berkaitan sangat sesuai dengan pemikiran dan etika tingkah laku manusia. Bahasa yang digunakan juga jelas dan mudah difahami oleh pendengar semasa bermukun.

Carik besi dari seberang,  
Besi diberik berkarat-karat,  
Jangan suka molah sorang,  
Kerja senang jadi berat.

Beli benang molah tekat,  
Tekat dipolah sik ditebok,  
Mun kita idup Muafakat ,  
Idup aman sik bertumbok.

Suka gilak pergi ke Sampun,  
Adat urang jangan sik patuh,  
Sik boh menting dirikpun,  
Kaum bersatu Negara utuh.

Jum kita berame-rame,  
Jalan-jalan ngembak ati,  
Bersatu teguh jangan kelaie,  
Sik sama bangsa bersatu ati.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun yang ada di atas juga berbeza aspek yang berkaitan dengan kasih sayangnya. Pemikiran tingkah laku yang ada dalam pantun di atas lebih cenderung kepada hal yang berkaitan dengan sikap seseorang yang suka melakukan sesuatu perkara seorang diri. Sikap ini sebenarnya adalah sikap yang tidak digalakkan kerana tidak ada sikap saling membantu dalam masyarakat. Dalam masyarakat sikap saling membantu adalah sangat digalakkan dan pemikiran ini diselitkan dalam bermukun untuk memastikan semua sikap dan tingkah laku ini ada dalam masyarakat. Tingkah laku yang berkaitan dengan kasih sayang adalah paling banyak diperoleh malah ada juga dalam pemikiran metafizik.

Pemikiran tingkah laku yang seterusnya ialah sikap redha dengan keadaan yang dihadapi. Tingkah laku ini ada dalam pantun Melayu Sarawak namun berdasarkan hasil kajian pengkaji bersama dengan Seh Gendang tidak banyak pantun ini digunakan semasa bermukun namun masih digunakan untuk menanam sikap redha dalam kehidupan masyarakat. Contoh pantun yang berkaitan ialah seperti di bawah:

Sayang Sarawak sungeinya sempit,  
Buah berangan lambung-lambungan,  
Nak ku embak perauk sempit,  
Tingallah emas tinggal junjungan.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Dalam pantun yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan sikap redha sanggup meninggalkan apa yang berharga iaitu “emas” kerana keadaan yang mendesak. Walaupun bukan semua mampu meninggalkan sesuatu berharga dalam diri namun jika keadaan memaksa maka akan menyebabkan seseorang terpaksa melakukan. Pemikiran tingkah laku ini boleh dikaitkan dengan sikap yang ada dalam masyarakat Melayu Sarawak yang sangat mementingkan hubungan yang baik antara satu sama lain walaupun berbilang bangsa.

Buah dabei melambak-lambak,  
Banyak dimakan masa petang,  
Banyak kerja menolak ombak,  
Semakin ditulak semakin atang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pemikiran tingkah laku manusia juga terdapat dalam pantun di atas yang memperlihatkan tentang sikap redha yang perlu ada dalam diri seseorang sekiranya mendapat tugas yang banyak dan melakukan tugas tersebut dengan hati yang ikhlas. Tingkah laku ini perlu ada dalam masyarakat untuk memperlihatkan sikap masyarakat Melayu Sarawak yang berfikir dengan rasional dalam menjalankan tugas. Pantun yang digunakan semasa bermukun ini memperlihatkan lagi kekuatan pemikiran mereka ini.

Selain pemikiran tingkah laku yang dinyatakan di atas, pantun yang digunakan semasa bermukun juga memperlihatkan cara pemikiran masyarakat Melayu Sarawak dengan sikap simpati dan membantu sekiranya menghadapi sebarang masalah. Tingkah laku ini sememangnya perlu ada dalam masyarakat kerana menurut Seh Gendang tingkah laku ini sebenarnya mengeratkan lagi hubungan dalam masyarakat. Pantun yang dapat dikaitkan dengan tingkah laku ini adalah seperti di bawah:

Atap kamek atap berlipat,  
Atap tiris kenak tuan,  
Atang kamek atang merempat,  
Atang mintak belas kesian.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Bahasa yang digunakan dalam pantun di atas juga adalah bahasa yang mudah difahami dan relevan dengan teori pemikiran bahasa yang menekankan tentang penggunaan nahu yang betul dan mesej yang tepat akan difahami oleh pendengar. Pemikiran yang ada dalam pantun ini menunjukkan sikap yang positif dalam diri masyarakat Melayu Sarawak.

Pemikiran ini tidak hanya ada kepada tingkah laku yang dinyatakan di atas, tetapi juga ada lagi tingkah laku yang berkaitan dengan tingkah laku manusia yang lain iaitu seperti tingkah laku yang berkaitan dengan sikap kesyukuran. Walaupun pemikiran ini lebih cenderung kepada pemikiran metafizik namun tingkah laku ini juga dapat dilihat dalam pemikiran yang berkaitan dengan pemikiran tingkah laku. Pantun yang berkaitan dengan pemikiran ini ialah seperti yang terdapat dalam pantun di bawah:

Susah kamek nabur padi,  
Padi juak dibuang urang,  
Susah kamek berik budi,  
Emas juak ditanggar urang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Lumrah sikap manusia hanya memandang harta benda dalam hubungan dan ini jelas kelihatan dalam pemikiran yang ada dalam pantun di atas. Berdasarkan pantun tersebut jelas tingkah laku manusia yang bersikap tamak dan tidak menghargai kebaikan yang orang lakukan hanya kerana terpengaruh dengan harta benda. Selain dari aspek pemikiran yang dijelaskan dalam pantun di atas, terdapat juga pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku mengenang budi walaupun ada masyarakat yang hanya melihat harta benda. Ini dapat dilihat dalam pantun yang dinyatakan di bawah:

Burung Nurik burung jentayuk,  
Ingap di atas pokok mayang,  
Bunga kembang sikan layuk,  
Budi nak bait sikan ilang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Berdasarkan pantun yang dinyatakan, ada juga dalam kalangan masyarakat yang masih mengenang kebaikan seseorang dalam masyarakat. Hal ini yang dinyatakan dalam pantun dan cuba diketengahkan semasa bermukun. Walaupun telah ditelan zaman atau keadaan yang telah lama namun budi dan kebaikan seseorang tidak akan dilupakan dan ini yang terdapat dalam pemikiran yang ada dalam pantun di atas. Selain itu, sikap berbudi bahasa juga sememangnya tingkah laku yang juga diserapkan semasa bermukun dan ini jelas ada dalam pantun yang dinyatakan di bawah:

Buah nenas diembak belayar,  
Masak sigik di Tanjung Jati,  
Hutang emas nangapat dibayar,  
Utang budi diembak mati.

Banyak gilak tanah rata,  
Tanah diambil dari desa,  
Mun jauh ngelak sengketa,  
Haluskan budi dengan bahasa,

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Berdasarkan dua rangkap pantun yang dinyatakan di atas pemikiran yang berkaitan dengan budi bahasa jelas kelihatan. Pemilihan pantun yang sesuai semasa bermukun menunjukkan bahawa masyarakat Sarawak sangat peka dan sangat mengutamakan budi bahasa dalam kehidupan sehari-hari mereka kerana tingkah laku ini sangat bermanfaat dalam proses menjalankan hubungan yang baik dan ini dinyatakan dalam pantun semasa bermukun. Dalam pantun kedua menjelaskan tentang tingkah laku

yang melibatkan hubungan antara masyarakat sangat penting dijaga. Bahasa yang digunakan dalam pantun ini walaupun menggunakan bahasa Melayu Sarawak namun masih menjaga aspek yang berkaitan dengan tutur kata untuk mengelakkan persengketaan. Mesej yang ingin disampaikan sampai kepada masyarakat kerana masyarakat Melayu Sarawak walapun berada dalam masyarakat yang berbilang kaum namun masih mempunyai hubungan yang baik. Pantun yang seterusnya juga mempunyai pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku. Pantun yang dinyatakan adalah seperti contoh pantun yang dinyatakan di bawah:

Manok jantan namanya Jalak,  
Jaguh Simunjan nama diberik,  
Rezeki kamek sik nulak,  
Musuh pun kamek sik carik.

Mun dah suka jangan dipugei,  
Bak makan sepinggan manok,  
Jangan suka molah perangei  
Mun sik maouk dianok,

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan pemikiran tingkah laku masyarakat Melayu Sarawak yang tidak suka mencari musuh dalam kehidupan mereka sehari-hari. Keadaan ini yang menyebabkan pantun yang diwarisi semenjak dahulu lagi ini telah digunakan semasa bermukun untuk memberi pendedahan kepada masyarakat yang ada sekarang agar terus mengamalkan sikap tersebut. Selain itu, sikap suka menimbulkan masalah dalam hubungan sesama masyarakat juga diperlihatkan dalam pemikiran tingkah laku masyarakat. Baris ayat dan bahasa yang digunakan dalam pantun semasa bermukun ini jelas menunjukkan sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu Sarawak.

Selain tingkah laku yang dinyatakan di atas, terdapat juga pemikiran yang berkaitan dengan pemikiran tingkah laku yang berkaitan dengan sikap suka berusaha sehabis baik dalam melakukan sesuatu perkara. Pantun yang dapat dikaitkan dengan pemikiran tingkah laku ini ialah seperti yang terdapat dalam pantun di bawah:

Dari Bentam Ke Pulau Raga,  
Singgah kejap di rumah tua,  
Ada masa ada ketika,  
Kelak ular nelan naga.

Sungai Sarawak banyak udang,  
Mun ditangkap maouk ke petang,  
Mun pandei jadi urang,  
Rezeki secupak jadi segantang.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pantun yang dijelaskan dalam dua-dua rangkap di atas menjelaskan bahawa sekiranya usaha dan kemahiran dalam melakukan sesuatu perkara maka tidak akan ada yang mustahil untuk dilakukan. Usaha dan keyakinan yang tinggi akan membantu usaha ini menjadi kenyataan seperti yang terkandung dalam pantun yang pertama yang menjelaskan makna yang begitu mendalam. Selain itu dalam rangkap pantun yang kedua menjelaskan tentang sekiranya usaha yang kuat akan memastikan setiap usaha beroleh kejayaan. Pemikiran tingkah laku ini perlu disematkan dan mesej ini yang perlu disampaikan dalam masyarakat Melayu Sarawak untuk mereka melalui kehidupan mereka. Selain pemikiran yang dinyatakan di atas, Seh Gendang juga menekankan tentang pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku yang berkaitan dengan kejujuran dalam hubungan ataupun perkara yang dilakukan. Pemikiran ini dapat dilihat dalam pantun yang dinyatakan di bawah:

Urang seberang beli arang,  
Arang dibeli berkati-kati,  
Jangan percayak ati urang,  
Lain mulut lain di hati.

Sayang Labuan pulau di laut,  
khabar berita pasirnya tumbuh,  
Salam mu tuan saya menyambut,  
Syukur rahsia disimpan teguh.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Dalam pantun yang dinyatakan di atas aspek yang berkaitan dengan pemikiran tingkah laku berkaitan dengan kejujuran disampaikan dalam mesej yang hendak diketengahkan semasa bermukun. Mesej ini disampaikan semasa bermukun untuk memastikan masyarakat Melayu Sarawak sentiasa mengamalkan tingkah laku ini dalam kehidupan mereka. Kepercayaan dan kata-kata yang digunakan juga adalah sangat penting semasa berbual dan ini dinyatakan dalam contoh pantun yang pertama. Manakala contoh yang kedua pula menunjukkan tingkah laku yang berkaitan dengan kejujuran dalam menyimpan rahsia. Rahsia serta aib seseorang yang telah memberi amanah perlu disimpan sebaiknya. Pemikiran ini yang cuba dinyatakan dalam bermukun agar masyarakat sentiasa mengamalkan sikap yang positif setiap masa dalam pergaulan mereka.

Pemikiran tingkah laku sebenarnya membentuk keperibadian yang baik dalam masyarakat. Pemikiran ini ternyata telah dihebahkan semasa bermukun walaupun hanya sekadar berhibur. Tingkah laku yang seterusnya ialah sikap sompong dalam diri seseorang. Tingkah laku ini adalah tingkah laku yang tidak baik dan sebaiknya dielakkan dalam kehidupan kita. Masyarakat Melayu Sarawak menganggap sikap ini adalah tingkah laku yang tidak baik dan sewajarnya dibuang dan tidak diamalkan. Pantun yang berkaitan dengan tingkah laku ini ialah berdasarkan contoh pantun yang dinyatakan di bawah:

Macam nie kuih macam ye cuan,  
Mun sik kedak ye pelik jak rasa,  
Apa perange kitak tuan,  
Burung terbang tepis dada,

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Pemikiran yang berkaitan dengan contoh pantun di atas jelas sekali sikap sompong dalam masyarakat adalah tidak digalakkan dan sewajarnya dibuang untuk mendapat sebuah masyarakat yang lengkap dengan peribadi yang baik. Keadaan ini yang cuba dijelaskan dalam mesej yang disampaikan semasa bermukun. Sikap yang berkaitan dengan kesombongan sememangnya harus dibuang untuk mendapat sebuah masyarakat yang berjaya dan bersatu padu. Sikap menepis dada tanpa menerima pandangan orang lain adalah sikap yang tidak baik dan seharusnya dibuang dalam masyarakat. Pemikiran ini juga yang ditekankan semasa bermukun walaupun dalam bentuk hiburan agar masyarakat tidak mengamalkannya dan menjadi masyarakat yang sentiasa menjaga adat dan tingkah laku.

Pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku sebenarnya sangat diberi keutamaan sebagai cara terbaik dalam membentuk masyarakat. Hal ini telah dinyatakan sepanjang majlis bermukun untuk diketahui oleh masyarakat. Pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku yang seterusnya ialah sikap berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara. Tingkah laku ini penting dalam masyarakat untuk memastikan masyarakat Melayu Sarawak sentiasa berada dalam keadaan yang aman dan selesa dan mesej ini turut dimasukkan semasa bermukun untuk memastikan masyarakat Melayu mengamalkan pemikiran ini dalam kehidupan seharian. Pantun yang berkaitan dengan pemikiran ini ialah seperti contoh di bawah:

Buah delima banyak berbigik,  
Mun makan nunggu masak,  
Nak metik bunga sigik,  
Tapi takut setangkai rosak.

(Sumber Puan Senang bt Kahar: 15 Disember 2015)

Tingkah laku berhati-hati yang dinyatakan dalam pantun di atas lebih dekat dengan maksud yang ada dalam hubungan cinta antara lelaki dan perempuan. Apa yang dimaksudkan dengan baris pantun Nak metik bunga sigik, tapi takut setangkai rosak lebih kepada dalam memilih pasangan. Pasangan yang dipilih hendaklah dipilih dalam kalangan yang elok dan semasa menginginkan wanita tersebut perlu disertai dengan adat agar tidak melanggar etika dalam tingkah laku masyarakat.

## KESIMPULAN

Ternyata pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku dalam masyarakat sangat jelas digunakan dalam pantun Melayu Sarawak. Para pengkaji yang mengkaji pantun Melayu Sarawak tidak terdedah dengan pemikiran ini secara mendalam kerana pantun Melayu Sarawak mempunyai pemikiran yang terlalu mendalam untuk difahami oleh masyarakat terutama oleh masyarakat Melayu Sarawak. Walaupun bermukun adalah salah satu acara yang berperanan untuk bersuka ria namun penyelitan pemikiran etika tetap diberi keutamaan bagi memastikan masyarakat Melayu kekal dengan adat dan mempunyai tingkah laku yang baik. Pemikiran ini bukan sahaja perlu diteruskan dalam generasi yang sedia ada malah juga berperanan untuk generasi di masa yang akan datang.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2005). *Wacana pemikiran ilmu: Analisis konsep-konsep asas pemikiran pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (2008). *Pendidikan moral: Teori etika dan amalan moral*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2006). *Sejarah pemikiran*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1992). *Al-Tawhid: Its implication for thought and life*. Virginia, U.S.A: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Hassan Al-Aidaros, Faridahwati Mohd. Shamsuddin & Kamil Md. Idris. (2013). Ethics and ethical theories from Islamic perspectives. *International Journal of Islamic Thought* 4: 113.
- Al-Manzūr, Muhammad bin Mukram. (1968). *Lisān al-‘Arab*. Bayrūt: Dār Sadr.
- Azhar Ibrahim Alwee. (2005). Ethical Dimension of Islam.  
<http://www.thereadinggroup.sg/Articles/Ethical%20Dimension%20of%20Islam.pdf> (31 May 2011)
- Bertens, K. (2003). Etika dan moral. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Darbury, Conn: Grolier. (1982). *The Encyclopedia Americana*. Vol. 10.
- Mohd. Farid Mohd. Shahran. (2013). *Akidah dan pemikiran Islam: Isu dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd. Nasir Omar. (2010). *Pemikiran akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noel Stewart. (2009). *Ethics: An introduction to moral philosophy*. UK&USA: Polity Press.
- SofroniouAndreas. (2003). *Moral philosophy: The ethical approach through the ages*. UK: PsySys Limited.